

21 NOV 1998

PEMUDA PBB KECAM AL GORE

KUCHING, 21 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) hari ini mengecam ucapan biadap naib presiden Amerika Syarikat Al Gore di majlis jamuan makan malam semasa persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ketua pergerakan itu Datuk Gramong Juna menganggap kenyataan Gore sebagai melampau, kurang ajar, angkuh dan tidak kena pada tempatnya.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, beliau berkata Gore seharusnya belajar menjadi tetamu yang baik dan memahami sensitiviti rakyat Malaysia.

"Rakyat Malaysia yang berani ialah bukan daripada kalangan mereka mengambil bahagian dalam rusuhan dan menimbulkan kekacauan untuk menyokong kumpulan "reformasi", " katanya merujuk kepada kenyataan Gore yang menganggap mereka yang merusuh sebagai "rakyat Malaysia yang berani."

Gramong, yang juga Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Tanah, berkata Pemuda PBB sentiasa berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

-- BERNAMA

OPP NAK